



Komunikator Katolik

Takhta Suci: Dalam dunia yang ditandai oleh perpecahan dan kemunculan kecerdasan buatan (AI), Sri Paus Leo XIV menggesa mereka yang bekerja dalam media dan komunikasi Katolik untuk memberi ruang untuk menyampaikan kisah orang yang menderita dan yang berusaha untuk keamanan.

“Saya menggalakkan anda untuk menjadi penabur kata-kata yang baik, penguat suara yang berani mencari perdamaian dengan melucutkan hati daripada kebencian dan fanatik agama,” katanya, dalam mesej yang dikeluarkan pada Januari 21.

Mesej itu telah ditandatangani oleh Kardinal Setiausaha Negara Pietro Parolin dan ditujukan kepada Persekutuan Media Katolik Perancis (*Fédération des Médias Catholiques*).

“Dalam dunia yang berpecah-belah dan berpolarisasi, jadilah antena yang mengesan dan menyampaikan apa yang dialami oleh mereka yang lemah, terpinggir, kesepian, dan mereka yang perlu merasai kegembiraan kerana merasa dicintai,” kata Sri Paus.

Mesej itu dihantar sempena edisi ke-29, Hari Sto Francis de Sales, yang

diseru jadi penabur kata-kata damai

berlangsung di Lourdes pada Januari 21-23 lalu. Setiap tahun, Persekutuan Media Katolik menganjurkan acara ini, yang menghimpunkan wartawan dari seluruh dunia untuk merenungkan misi media dan komunikasi Katolik.

“Untuk menghadapi era ini yang ditandai—termasuk dalam bidang komunikasi—dengan kemunculan AI, sangat mendesak untuk kembali kepada ketulusan, kepada keutamaan menjalin hubungan yang baik dan kepada keupayaan untuk mendekati orang lain, tanpa mengecualikan sesiapa pun,” ujar Bapa Suci Leo.

Prelatus itu menjelaskan bahawa keperluan ini boleh ditawarkan dalam “perkhidmatan kebenaran yang media Katolik kepada semua orang, walaupun dalam kalangan

bukan Katolik.”

Teladan komunikator berani: Fr Jacques Hamel

Sri Paus Leo menyatakan Fr Jacques Hamel— seorang paderi Perancis yang terbunuh pada tahun 2016 oleh pengganas yang mengaku dari Negara Islam— sebagai sumber inspirasi bagi komunikator Katolik.

Sri Paus menyatakan bahawa Persekutuan Media Katolik mempunyai acara anugerah yang dinamakan sempena nama paderi itu, yang diberikan setiap tahun kepada wartawan yang mempromosikan keamanan dan dialog antara agama melalui kerja mereka.

Bapa Suci menekankan bahawa Fr Hamel ialah saksi iman sehingga sanggup menye-

rahan nyawanya, dan mendiang paderi itu sentiasa percaya kepada nilai dialog.

“Fr Hamel yakin bahawa sangat perlu dan mendesak untuk mengetahui cara mendekati semua orang, tanpa mengecualikan sesiapa,” kata Sri Paus Leo lagi.

“Untuk mengenali antara satu sama lain, kita mesti bertemu mereka yang berbeza dengan pendapat kita tanpa takut dan bersedia untuk dicabar untuk apa yang kita percayai.

“Semoga teladan melalui Fr Hamel, mendorong anda untuk menjadi pencari kebenaran, menjadi penabur dan penulis kata-kata damai, menjadi komunikator yang mampu menyatukan apa yang terputus, dan penawar kepada luka-luka kemanusiaan.” **Media Vatikan**

Mengasihi dengan menanggung kesakitan orang lain

VATIKAN: “Belas kasihan orang Samaria: mengasihi dengan menanggung kesakitan orang lain” ialah tema Sri Paus Leo XIV untuk sambutan Hari Orang Sakit Sedunia 2026 yang akan diadakan pada Februari 11.

Dalam pesannya, yang ditandatangani pada Januari 13, Sri Paus menggalakkan renungan tentang tokoh Samaria yang Baik.

Prelatus itu menyatakan bahawa imej Orang Samaria yang baik itu “sentiasa relevan dan penting untuk menemui semula keindahan bersedekah, memahami di-

mensi sosial belas kasihan serta membantu “mengarahkan perhatian kita kepada mereka yang memerlukan dan semua yang menderita, terutamanya yang sakit.”

Dalam Injil menurut Sto Lukas, yang menceritakan seorang Samaria yang baik hati telah membantu seorang lelaki yang diserang oleh perompak lalu dibiarkan di tepi jalan agar mati.

Orang yang melalui jalan itu, tidak mempedulikan orang yang malang itu. Hanya seorang Samaria, berbelas kasihan, mem-

balut luka-lukanya, membawanya ke penginapan dan menyediakan penjagaannya.

Sri Paus Leo berkata beliau telah memilih untuk merenungkan petikan Alkitab ini melalui lensa Ensiklik Fratelli tutti 2020 yang ditulis oleh mendiang Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci Leo membahagikan pesannya kepada tiga cara pertemuan yang berkesan iaitu: “Kegembiraan menawarkan kedekatan dan kehadiran”; “Misi bersama menjaga orang sakit”; dan “Sentiasa didorong

oleh cinta kepada Tuhan, untuk bertemu diri sendiri dan jiran kita.”

Sri Paus membincangkan belas kasihan sebagai emosi yang mendalam yang memaksa kita untuk bertindak, yang “berasal dari dalam dan membawa kepada sahutan yang komited terhadap penderitaan orang lain.” **Media Vatikan**

Jangan lupa mengikuti pesan penuh Sri Paus Leo XIV sempena Hari Orang Sakit Sedunia akan disiarkan pada Februari 8, 2026.

Mur— hadiah yang tidak dikehendaki

Kita membaca kisah tiga orang Majus dalam Injil. Mereka datang dari Timur dan meletakkan hadiah mereka di palungan bayi Yesus yang baharu lahir.

Hadiah-hadiah itu tidak praktikal. Ia bukan makanan bayi, lampin dan selimut. Tetapi hadiah-hadiah itu mempunyai makna simbolik. Apakah makna tersirat di sebalik hadiah-hadiah itu?

Seperti yang telah kita pelajari secara klasik ia bermakna: raja, ketuhanan, dan kemanusiaan.

Tetapi ia juga mempunyai makna yang lain. Emas boleh dilihat sebagai hadiah yang membebankan sumber untuk kanak-kanak muda tentang perkara yang akan diperlukannya dalam hidup; kemenyan boleh dilihat sebagai menghormati maruah unik kanak-kanak dan mur boleh dilihat sebagai peringatan bahawa dia akan mati suatu hari nanti.

Inilah tiga hadiah yang seharusnya diberikan oleh setiap ibu bapa kepada anak iaitu: sumber untuk perkara yang diperlukan anak untuk berkembang; kebanggaan terhadap anak yang menghormati maruahnya; dan peringatan (dalam apa jua bentuk) yang dan sentiasa memperingatkan anak bahawa sua-



tu hari nanti dia akan mati.

Inilah makna hadiah daripada Majus iaitu kita mempunyai sumber, kita dihormati dan kita diingatkan bahawa suatu hari nanti kita akan mati.

Sebagai kanak-kanak, kita mendambakan dua hadiah pertama, emas dan kemenyan, tetapi pasti kita menolak hadiah terakhir, mur, yang mengingatkan kita bahawa kita fana, satu peringatan yang tidak kita inginkan tetapi sangat kita perlukan.

Semasa membesar, ayah dan ibu saya memberikan saya tiga hadiah ini: emas — sumber yang saya perlukan untuk hidup dan berkembang, kemenyan — menghormati martabat saya sebagai manusia, dan mur — peringatan bahawa suatu hari nanti saya akan mati, bahawa kehidupan ini bukan segala-galanya, bahawa keremajaan dan kesihatan tidak kekal selamanya serta keputusan hidup saya perlu sentiasa dibuat berdasarkan prinsip ini.

Semasa membesar, saya sentiasa menolak hadiah terakhir itu. Saya tidak mahu melihat jenazah di majlis berkabung atau di pengebumian, dan semua perbualan tentang kerapuhan hidup atau penyakit yang membawa maut membuat saya cepat-cepat menamatkan perbualan.

Saya tidak mahu melihat atau mendengar apa-apa tentang kematian. Bagi saya, ini adalah perbualan yang mengerikan, umpama menghalang cahaya matahari dan mengurangkan oksigen dari bilik.

Tetapi ibu bapa saya, dalam semua perkara baik yang mereka berikan kepada saya dan adik-beradik saya, tidak pernah membiarkan kami mengelak daripada mur.

Dalam semua musim, terdapat peringatan tentang kematian kita, tentang hakikat bahawa kehidupan itu rapuh dan bahawa kematian akhirnya menanti kita.

Ayah dan ibu saya tidak kejam, sadis, atau terlalu pesimis; mereka hanya sentiasa mengingatkan kami tentang perkara ini, mengingatkan kami tentang apa yang nyata lebih-



lebih bahawa hidup ini bukan di Disneyland.

Mungkin mereka bukan sahaja dipengaruhi oleh kepercayaan mereka, tetapi juga oleh budaya Jerman, tempat asal mereka.

Budaya mereka mempunyai kisah dongeng terkenal bernama Grimm. Kisah dongeng itu mengingatkan orang bahawa mereka akan mati dan percaya bahawa ibu bapa yang terlalu melindungi anak-anak menyebabkan anak-anak itu cepat mati kerana tidak tahu berhadapan dengan aspek kehidupan yang lebih gelap.

Namun, tiga hadiah ini sesungguhnya lahir daripada iman mereka. Hadiah-hadiah ini sangat bermanfaat, sihat serta sangat diperlukan.

Walaupun saya menentang dan cuba mengelak daripada hadiah ketiga itu namun ia saya tidak dapat terlepas daripadanya, sehingga saya, dengan jujur mengatakan bahawa semua keputusan utama dalam hidup sebenarnya bertentangan dengan cita-cita sebenar saya.

Saya tidak akan pernah terfikir memasuki komuniti agama dan menjadi paderi, jika bukan hadiah ini yang selalu mengingatkan saya. Saya tidak akan setia dalam kaul agama saya, kalau bukan kerana tiga hadiah itu.

Siapa yang mahu menjalani kaul kemiskinan, kesucian dan ketaatan, jika tiada kesedaran tentang realiti kematian kita?

Sesungguhnya, dalam mana-mana bidang kehidupan, siapakah yang akan mempunyai kekuatan untuk setia jika bukan berkat tiga hadiah ini?

Sebagai seorang kanak-kanak, saya bersyukur kepada ibu bapa saya (dan budaya Katolik yang mereka praktikkan) kerana tidak pernah membiarkan saya lupa bahawa saya fana. Secara simboliknya, mereka telah menghadiahkan saya mur sejak saya bayi.

Ketika saya mengenang kembali, saya menyedari bahawa ini ialah salah satu hadiah terbesar yang mereka berikan kepada saya — hadiah yang saya tidak mahu tetapi sangat perlukan.

Saya teringat satu tempoh yang sangat menyedihkan semasa zaman kanak-kanak saya, ketika saya berusia 13 tahun.

Dalam tempoh lima bulan, pada musim panas dan luruh, dua orang jiran dan seorang rakan sekelas, meninggal dunia secara tiba-tiba — dua dalam kemalangan dan seorang akibat bunuh diri.

Berita kematian yang meragut nyawa orang muda yang sihat adalah satu serangan terhadap tenaga dan impian muda saya, yang bagi saya semuanya indah, di bawah cahaya matahari, kesihatan yang baik, muda dan bersemangat di mana tidak pernah terfikir tentang dunia kematian.

Selama enam bulan saya bergelut menerima kenyataan dan cuba berdamai dengan hakikat kematian yang kejam. Dan peristiwa itu meninggalkan parut dalam jiwa saya sehinggalah ke hari ini. Pada musim panas itu, saya sekali lagi dikurniakan hadiah mur, berkat yang datang daripada berdamai dengan kematian sendiri. **Hakcipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

Panggilan kebahagiaan Kristian

Semua orang di muka bumi ini, sentiasa mendambakan kebahagiaan.

Oleh sebab itu, semua orang berusaha dan berjuang mencari, meraih dan mengharap-kan agar kebahagiaan itu benar-benar dialami dan dirasai.

Namun, ukuran dan nilai kebahagiaan bagi setiap orang tentu sangat berbeza antara satu sama lain.

Sering kali kebahagiaan itu disamakan dengan kekuasaan, kehormatan, kemasyhuran, kecantikan, kecerdasan atau kelimpahan harta dan rezeki.

Ada pula yang berasa bahagia, jika mereka dapat hidup panjang umur, sihat sejahtera dan berjaya dalam pelbagai usaha dan cita-cita yang dicapai.

Yesus dalam Injil hari ini ternyata tampil berbeza. Menurut Yesus, yang berbahagia ialah mereka yang miskin di hadapan Tuhan, yang berdukacita, yang lemah lembut, yang lapar dan haus akan kebenaran, yang murah hati, yang suci hati, yang membawa damai, yang dianiaya kerana kebenaran atau yang dicela dan dianiaya kerana nama Yesus.

Ternyata, ukuran kebahagiaan menurut Yesus sangat berbeza dengan ukuran manusia atau ukuran dunia ini.

Sabda bahagia Yesus ini menjadi satu bentuk perlawanan budaya yang berdimensi rohani.

Kebahagiaan yang dijanjikan dalam Sabda Bahagia Yesus dalam terang kaca mata Tuhan justeru mahu menggerakkan dan merang-



kum manusia dalam kasih yang hanya dapat difahami dan dialami dalam "kemiskinan rohani" dan dalam penerimaan ajaran-Nya dalam iman dan ketekunan untuk berserah diri kepada-Nya sebagai penguasa dan pemilik kehidupan.

Kata "berbahagia" ini merujuk kepada kesejahteraan semua orang yang, kerana hubungan mereka dengan Kristus dan Firman-Nya, menerima Kerajaan Tuhan yang merangkumi kasih, perhatian, keselamatan dan kehadiran Tuhan.

Oleh itu, "berbahagia" boleh kita tafsirkan sebagai berbahagia dalam apa jua keadaan, sama ada miskin, berdukacita, lemah lembut, lapar, haus, murah hati, suci hati, membawa

damai atau dianiaya kerana kebenaran.

Dan orang yang beriman yang sanggup melakukan perkara yang dikehendaki Tuhan, akan disebut orang yang berbahagia dan mereka akan memiliki Kerajaan Tuhan.

Bahawa kebahagiaan itu tetap ada apabila segala kesulitan itu dibawa dalam hubungan dengan Tuhan sendiri. Itu bermakna orang mempunyai iman yang mendalam iaitu merindukan Tuhan setiap saat.

Cintanya kepada Tuhan sangat besar sehingga yang timbul keinginan berterusan untuk membahagiakan.

Orang yang miskin di hadapan Tuhan ialah orang yang sentiasa merasa kurang untuk terus mencintai Tuhan. Begitu juga dengan

**HARI MINGGU BIASA
KEEMPAT TAHUN A
ZEFANYA 2: 3;3: 12-13;
2 KORINTUS 1:26-31;
INJIL MATIUS 5: 1-12.**

ucapan sabda bahagia yang lain, yang memberikan pemahaman bahawa harapan akan cinta Tuhan menjadi kekuatan untuk menjalani seluruh kehidupan ini dengan baik.

Harta kekayaan bukan ukuran, begitu juga jawatan dan kedudukan bukan jaminan kebahagiaan, kerana semua itu hanya sementara, hanya menjadi saranan dan bukan penentu. Maka kebahagiaan yang sebenar adalah dalam perpaduan hakiki dengan Tuhan sendiri.

Marilah kita semakin merendahkan diri dengan merindui kehadiran Tuhan dalam hidup kita setiap saat.

Nilai-nilai Kerajaan Tuhan tidak ditawarkan sebagai beban yang menyeksa kita, tetapi semoga Sabda Bahagia ini benar-benar menjadi tawaran kebebasan untuk mengalami kasih Tuhan.

Apabila kita ingin bahagia, maka jangan takut miskin, jangan hanyut dalam duka, jangan takut dianiaya kerana kebenaran, mesti menjadi pembawa damai, menjadi manusia yang lemah lembut, lapar dan dahaga akan kebenaran, menjadi manusia yang murah hati, dan suci hati.

Semoga Tuhan sentiasa memberkati kita dan memperkasakan kita di kala kita menghadapi cabaran dalam perjuangan kita melawan arus zaman ini. **Terang Iman**

CCR ditubuhkan di paroki Kristus Raja, Sg Petani



SUNGAI PETANI, Kedah: Dalam suasana penuh rahmat dan pengharapan, seramai enam orang ahli Jawatankuasa Pembaharuan Karismatik Katolik (CCR) Paroki Kristus Raja telah diutus secara rasmi semasa perayaan Ekaristi, Januari 18, di Gereja Kristus Raja, Sungai Petani.

Upacara pengutusan ini telah diketuai oleh Fr Victor Louis, dan turut disaksikan oleh wakil CHARIS Pulau Pinang, Sdri Adeline, serta dua orang Sister daripada kongregasi *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception*.

Detik pengutusan ini menjadi tanda permulaan sebuah perjalanan pelayanan yang baru, berlandaskan iman, ketaatan dan keterbukaan kepada karya Roh Kudus.

Dalam pesannya, Fr Victor Louis menegaskan harapannya agar komuniti CCR ini berjalan dan bertumbuh di bawah payung Keuskupan

Pulau Pinang, selaras dengan ajaran Gereja dan semangat kesatuan.

Paderi itu juga menekankan bahawa pelayanan CCR bukan hanya untuk kelompok tertentu tetapi hendaklah menjadi saluran rahmat bagi membantu seluruh umat di paroki, khususnya dalam pertumbuhan iman dan kehidupan rohani.

Sementara itu, Koordinator yang baharu dilantik Aveil Olga, seorang yang berpengalaman luas dalam pelayanan CCR dan kateketikal, menyatakan, "Berkat Tuhan yang memulakan dan Dia sendiri jugalah yang akan menyempurnakan misi ini."

Sebagai langkah awal, pelayanan dan keahlian CCR akan dibuka kepada umat sekitar paroki Gereja Kristus Raja pada bulan Mac 2026, setelah seluruh pasukan menyelesaikan persiapan rohani dan pembentukan yang diperlukan. **Aveil Olga**

Rev Dannie Luis, paderi baharu dari kaum Salako

KUCHING: Sebelum berakhirnya tahun 2025, Katedral St Joseph telah mentahbis seorang lagi paderi baharu iaitu Rev Dannie Luis Anak Romanus.

Anak kedua daripada lima beradik itu menyertai *College General* di Pulau Pinang untuk belajar bahasa Inggeris pada tahun 2014. Beliau kembali ke Kuching pada tahun 2016 untuk pendedahan pastoral di Katedral St Joseph dan Gereja St Theresa, Serian.

Rev Dannie memulakan Tahun Inisiasinya pada tahun 2017 di Kolej St Peter di Kota Kinabalu, Sabah kemudian berpindah semula ke *College General* Pulau Pinang pada tahun 2018 untuk Tahun Falsafah.

Dari tahun 2020 hingga 2024, beliau belajar Teologi di Seminari Utama Kolej St Peter di Kuching.

Setelah 11 tahun persediaan, Diakon Dannie ditahbiskan sebagai paderi oleh Uskup Agung Simon Poh.

Panggilan oleh Gembala Baik sendiri

Uskup Agung Simon dalam uca-



pannya kepada Fr Dannie dan hadirin yang datang, mengucapkan terima kasih atas "kesabaran dan ketekunan" Rev Dannie selama "11 tahun berjalan dalam iman dalam pembentukan menjadi paderi."

Merenungkan tema pentahbisan Fr Dannie: "Lakukanlah segala sesuatu dengan kasih" (1 Korintus 16:14), Uskup Agung Simon menggambarkan perjalanan panggilan Fr Dannie sebagai "panggilan oleh Gembala yang

baik sendiri" dan mengingatkan paderi baharu itu untuk "sentiasa menjadi berkat kepada orang yang anda layani" dan untuk menjadi "hamba yang rendah hati mengikut hati Tuhan dan Guru kita dan sentiasa melakukan segala sesuatu dengan kasih dan belas kasihan yang besar."

Fr Dannie mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang telah membantu dan menemaninya dalam perjalanan panggilan. **Today's Catholic**

Romo dari Keuskupan Sintang, Kalimantan Barat, berziarah ke Keuskupan Keningau

KENINGAU: Seramai 18 orang romo (paderi) yang diketuai oleh Msgr Leonardus Miao dari Keuskupan Sintang Indonesia telah melakukan ziarah ke Keuskupan Keningau. Mereka melakukan ziarah ke beberapa tempat paroki St Anthony, Tenom dan Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon (PZKKNS).

Tim Sukacita PZKKNS bersama-

Fr David Gasikol telah menemani para romo tersebut sepanjang ziarah.

Pada Januari 15, 2026, para romo tersebut pula diraikan dalam acara sederhana yang dikendalikan oleh Tim Sukacita.

Turut hadir ialah Uskup Cornelius Piong yang turut menyampaikan cendera kenangan kepada para paderi itu.



"Ziarah ini bertujuan untuk menimba pengalaman pelayanan di Keuskupan Keningau, dan lebih-lebih lagi kami berasa berbahagia dapat berjumpa dengan teman seiman di Pulau Borneo" kata Msgr Miao. Para paderi dari

Keuskupan Sintang ini juga belajar tentang sejarah kedatangan Khabar Gembira di Sabah dan mengenal beberapa misionari seperti Msgr Augustine Wachter.

Uskup Cornelius gembira dengan ziarah para romo itu, men-

gatakan ia membuka ruang dan menjalin persahabatan.

Keuskupan Sintang yang terletak di Kota Sintang, Kalimantan Barat merupakan Keuskupan Suffragan dari Keuskupan Agung Pontianak.

Tunjukkan kerendahan hati dalam pelayanan pastoral kita



KOTA KINABALU: Perayaan Sto Nino dari Cebu, Filipina, bukanlah sebuah perayaan baharu di tiga keuskupan/agung di Sabah.

Kehadiran komuniti Filipina yang ramai di Sabah, telah membawa perayaan yang diraikan sejak abad ke-16, ke Sabah.

Pada Januari 18, komuniti Filipina di Katedral Hati Kudus telah merayakan Pesta Sto Nino bersama Msgr Nicholas Stephen (Msgr Nik).

Perayaan ini dimulakan dengan perarakan penuh warna-warni, mengelilingi kawasan katedral sambil membawa patung Sto Nino. Patung kanak-kanak Yesus yang dibawa oleh kebanyakan umat sempena perayaan ini adalah lambang harapan dan perlindungan.

Dalam homilinya, Msgr Nik



menggesa semua umat untuk mengukuhkan hubungan mereka dengan Tuhan dan mengambil berat antara satu sama lain.

"Apabila kita berhubung dengan Tuhan, setiap saat dipenuhi dengan kasih sayang, dan kita melayani orang lain dengan belas kasihan," katanya.

"Dalam perayaan Sto Nino, kita adalah satu, bermakna kita bersatu dengan Kristus bukan kerana usaha manusia kita tetapi kerana kasih penebusannya," kata Msgr Nik.

"Kita hendaknya selalu bahagia dalam karya pastoral kita. Dunia punya begitu banyak penderitaan dan masalah. Janganlah kita menambahnya dengan menunjukkan sikap buruk kita," lanjutnya

"Semoga api iman terus berkoobar di dalam hati kita. Kita membawa rahmat Kanak-kanak Yesus yang suci ketika kita kembali ke kehidupan seharian, dikuatkan olehnya," tambahnya.

Sahabat kecil Yesus

Lengkapkan sabda bahagia Yesus dalam gambar di bawah. Rujuk pada petikan Alkitab yang disediakan untuk mendapatkan jawapannya.

CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI



Berbahagialah orang yang _____ di hadapan Tuhan, kerana merekalah empunya Kerajaan _____ . (Mat 5:3)

Berbahagialah orang yang _____, kerana mereka akan _____ . (Mat 5:4)



Berbahagialah orang yang _____, kerana mereka akan memiliki _____ . (Mat 5:5)

Berbahagialah orang yang _____ dan _____ akan kebenaran, kerana mereka akan _____ . (Mat 5:6)




Berbahagialah orang yang _____ hatinya, kerana mereka akan beroleh _____ . (Mat 5:7)

Berbahagialah orang yang _____ hatinya, kerana mereka akan melihat _____ . (Mat 5:8)



Berbahagialah orang yang membawa _____, kerana mereka akan disebut _____ Tuhan. (Mat 5:9)

Berbahagialah orang yang _____ oleh sebab _____ kerana merekalah yang empunya Kerajaan _____ . (Mat 5:10)



Mari Mewarna



Berbahagialah orang yang membawa DAMAI, kerana mereka akan disebut anak-anak Tuhan (Mat 5:9).

Hello anak-anak,

Kita semua mahu bahagia, bukan? Tahukah anak-anak bahawa Tuhan mahu kita bahagia? Tetapi mungkin anak-anak kerana apa yang membawa kebahagiaan bagi Yesus, sangat berbeza dengan sangkaan kita.

Mungkin, kita menyangka mempunyai banyak wang dan harta akan membawa kebahagiaan tetapi Yesus mengatakan, "Berbahagialah

orang yang miskin di hadapan Tuhan, kerana merekalah yang empunya Kerajaan Syurga (Matius 5:3).

Jika direnungkan, sabda Tuhan ini memang benar. Ketika kita kaya, kita mudah melupakan Tuhan, kita mudah menjadi orang yang sombong. Meskipun mempunyai harta yang banyak, tetapi kita kedekut berbahagi dengan orang.

Tanpa wang yang berlimpah,

kita akan sentiasa bergantung kepada kasih sayang Tuhan.

Kita akan mengalami betapa bahagiannya apabila Tuhan sentiasa mendengar dan berjalan bersama kita.

Dan jika kita tekun berdoa, membaca sabda Tuhan dan setia hadir dalam Misa Kudus, antie pasti, anak-anak pasti melihat Tuhan sedang bekerja di dunia di sekeliling kita.

Anak-anak, kebahagiaan

bukanlah datang daripada kemewahan tetapi bagaimana sikap kita terhadap sesama dan kepada Tuhan. Misalnya apabila kita selalu bersyukur kepada Tuhan apa yang kita ada akan membawa kebahagiaan kerana mendapati Bapa syurgawi menyediakan segala apa yang kita perlukan.

Salam sayang
Antie Melly

BELIA

VATIKAN: Anak-anak muda teruja dan bersorak apabila dapat bertemu dengan Sri Paus Leo XIV, di Dewan Paulus VI baru-baru ini di Vatikan.

Pertemuan itu, yang diadakan pada Januari 10, beberapa hari selepas berakhirnya Tahun Jubli, menghimpunkan ribuan kaum muda yang diiringi oleh paderi, religius dan katekis pembimbing.

Sri Paus Leo berkongsi bahawa sebelum pertemuan itu dia telah menerima mesej daripada anak saudaranya, bertanyakan bagaimana dia berjaya menghadapi begitu banyak masalah dunia dan sama ada dia pernah merasa keseorangan.

“Jawapannya,” kata Sri Paus, “ditemui dalam kumpulan besar orang muda di hadapan saya sekarang.”

Kesunyian yang tersembunyi di alam maya
Bapa Suci Leo menyedari kegelisahan yang dialami oleh ramai orang muda: kesunyian, kekeliruan dan kebosanan, walaupun berada di tengah-tengah orang ramai.

“Apabila warna kelabu ini memudarkan warna kehidupan, tidak mustahil kita berasa terasing atau gelisah meskipun berada di tengah-tengah ramai orang,” katanya.

Menurut Bapa Suci, kesunyian tercetus apabila “seseorang tidak didengari, kerana seseorang tenggelam dalam kebisingan pendapat dan apabila seseorang tidak melihat apa-apa, kerana dia terpesona oleh imej duniawi yang berwarna warni.”

Bapa Suci memetik puisi yang membangkitkan semangat daripada Salvatore Quasimodo yang bercakap tentang kesunyian manusia, tetapi mengubah kesunyian itu dalam cahaya iman.

“Sinar yang menusuk hati, bukanlah cahaya yang berlalu: ia bukanlah cahaya yang berkelip-kelip yang muncul hanya untuk terbenam lagi, tetapi Matahari keadilan, yang



Pertemuan dengan Yesus mendatangkan kekuatan

adalah Kristus.”

“Dia menghangatkan hati kita dan membakarnya dengan kasih-Nya. Daripada pertemuan dengan Yesus ini, datang kekuatan untuk mengubah seseorang.”

Bersaksi tanpa mendapat tepukan

Bapa Suci meluahkan rasa gembiranya melihat ramai orang muda, aktif dalam pelayanan dan badan amal, namun prelatus itu memberi peringatan kepada mereka untuk tidak mengharapkan pengiktirafan atau populariti.

“Jangan harap dunia menyambut anda dengan tangan terbuka,” katanya sambil mengingatkan bahawa “kita bukan mengiklankan pelayanan kita agar terkenal.

Jika kita hanya mahu popular, maka kita tidak akan dapat menarik saksi-saksi sejati Kristus. Sertailah pelayanan untuk tujuan murni dan membina persahabatan yang ikhlas.”

Oleh sebab itu, Sri Paus Leo menggesa golongan muda untuk “bertindak dengan kegembiraan dan ketabahan, kerana untuk mengubah masyarakat, kita mesti mengubah diri kita terlebih dahulu.”

Doa memutuskan belunggu

Menjawab keinginan orang muda untuk mengetahui apa yang boleh mereka lakukan secara konkrit untuk memutuskan “rantai” yang mengikat negatif mereka, Sri Paus Leo XIV menjelaskan, “Pertama, berdoa.”

Sri Paus mendefinisikan doa sebagai tindakan yang sangat nyata dan mengubah.

“Ia adalah tindakan yang paling konkrit yang dilakukan oleh seorang Kristian demi kebaikan orang-orang di sekeliling mereka, untuk diri mereka sendiri, dan untuk seluruh dunia.”

“Doa, ialah tindakan kebebasan yang memutuskan rantai kebosanan, rantai keangkuhan dan rantai ketidakpedulian.”

“Tuhanlah, yang menyalakan api hati yang membara, terutamanya apabila orang Kristian bertemu dengan Dia dalam Ekaristi, dalam Injil dan dalam Mazmur, membolehkan mereka menjadi “terang dunia dan garam bumi,” kata Sri Paus Leo XIV. **Media Katolik**

KEBIJAKSANAAN WARGA TUA, KHAZANAH UNTUK KAUM MUDA

YANGON: Di Yangon, ramai warga tua mengalami kesunyian dan ditinggalkan akibat ketidaktentuan sosial dan politik.

Sebuah perkumpulan belia Katolik, Magis, komited untuk menjadi teman para warga tua, selama yang boleh.

Meskipun kini telah memasuki masa biasa, namun kumpulan belia itu mahu meneruskan semangat cinta dan harapan dalam Adven serta Krismas, lalu

berkongsiannya dengan para penghuni rumah orang tua tersebut.

Mereka mengambil tema liturgi daripada musim Adven dan Krismas iaitu sukacita, damai, harapan dan cinta. Para belia ini menemani para warga tua, di bilik peribadi hinggalah ke dewan makan, mendengar mereka, berdoa bersama dan melakukan beberapa aktiviti untuk menghiburkan mereka.

Misi mereka adalah mudah tetapi mendalam: untuk menggantikan rasa pengasingan dengan kehadiran dan menawarkan pelayanan “mendengar dengan hati” sebagai ungkapan konkrit iman mereka.

Fr Peter Quy, SJ, yang mengiringi para kumpulan Magis, menyatakan bahawa aktiviti ini berfungsi sebagai pemantapan rohani dan tindakan kerasulan.

“Para belia Magis bukan sahaja mem-

bawa pesan sukacita Kristus sebagai raja damai, ia juga masa untuk pembaharuan peribadi dan rasa terima kasih, terutamanya dalam menghargai kebijaksanaan dan pengalaman emas warga tua,” katanya.

Bermula pertengahan Disember tahun lalu, kumpulan itu menganjurkan lawatan ke rumah orang tua sebagai sahutan kepada panggilan Injil untuk menjaga mereka yang lemah.

Margaret, salah seorang ahli belia Magis mengatakan beliau menyertai lawatan itu kerana rindu dengan hubungan merentas generasi.

“Saya dibesarkan tanpa datuk dan nenek, dan saya merasakan keinginan yang kuat untuk bertemu dengan orang tua dan mendengar kisah hidup mereka, jelas Margaret.

“Ramai orang mengelak daripada meluangkan masa dengan orang tua kerana jarak umur yang berbeza, tetapi dalam hati mereka, mereka ingin berkongsi kebijaksanaan mereka. Dengan mendengar mereka, saya dapati saya memperoleh kebijaksanaan untuk hidup saya sendiri.” **LiCAS News**



Berita singkat antarabangsa

Mempergiatkan doa untuk perpaduan Kristian

VATIKAN: Berucap selepas Angelus pada Januari 18, Sri Paus Leo XIV mengimbau asal usul Minggu Doa untuk Perpaduan Kristian, yang bermula pada hari tersebut dan telah diamalkan sejak dua abad lalu.

Inisiatif itu digalakkan dengan kuat oleh Sri Paus Leo XIII dan, tepat seratus tahun yang lalu, buat kali pertama diperkaya oleh Cadangan untuk Oktaf Doa bagi Perpaduan Umat Kristian.

Bapa Suci Leo mengingatkan bahawa tema Minggu Perpaduan tahun ini diambil daripada

Surat Sto Paulus kepada Jemaat di Efesus: "Satu tubuh dan satu Roh, sebagaimana kamu telah dipanggil kepada satu harapan dalam panggilanmu" (Ef 4:4).

Doa dan renungan disediakan oleh kumpulan ekumenikal yang diselenggarakan oleh Jabatan Perhubungan Antara Agama Gereja Apostolik Armenia.

Minggu Ekumenikal itu diakhiri pada Mac 25, sempena Hari Raya Pertobatan Santo Paulus dan Ibadat Petang yang dipimpin oleh Sri Paus Leo XIV di Basilika Santo Paulus di Luar Tembok. Media Vatikan

Hong Kong sambut Ulang Tahun Keuskupan ke-80

HONG KONG: Keuskupan Hong Kong melancarkan sambutan ulang tahun ke-80 pada Januari 18 dengan perhimpunan doa awam mencatat peristiwa penting itu sebagai detik berkat dan harapan bagi bandar tersebut.

Acara yang bertajuk "Cinta - Mata Air Harapan" itu diadakan di *Chater Garden* dan memulakan sambutan ulang tahun penubuhan keuskupan sepanjang tahun ini.

Kardinal Stephen Chow dari

Hong Kong berkata keuskupan itu mempunyai "berkat yang mendalam untuk meraikan ulang tahun ke-80 penubuhannya sebagai keuskupan pada tahun 1946," sambil menambah bahawa ulang tahun itu disambut melalui doa bukannya upacara.

Beliau berkata ia adalah "keinginan tulus" keuskupan untuk meraikan ulang tahun itu dengan acara yang penuh doa dan bermakna, "memberkati Hong Kong." LICAS News

Minggu Doa Ekumenikal peluang rapatkan persahabatan rentasi denominasi

YOGYAKARTA: Gereja-gereja Kristian di Yogyakarta, Indonesia, merayakan Minggu Doa untuk Perpaduan Kristian 2026 dengan ibadat ekumenikal bersama yang menonjolkan perpaduan merentas denominasi dan kepelbagaian tradisi.

Ibadat diadakan pada Januari 16, berlangsung di Gereja *St John the Evangelist* di Karangkepuh, Pandowoharjo, Sleman, Wilayah Khas Yogyakarta.

Ia dianjurkan bersama oleh Gereja Kristian Jawa

Medari, Gereja Kerasulan Baru Pandowoharjo, dan Gereja Katolik St. Yohanes Paulus II Brayut.


Tema 2026, "Satu Tubuh dan Satu Roh, sebagaimana kamu telah dipanggil kepada satu harapan yang sesuai dengan panggilanmu," diambil daripada imej Paulus tentang Gereja sebagai Tubuh Kristus, menekankan perpaduan di tengah-tengah kepelbagaian melampaui sempadan geografi, kewarganegaraan, etnik, dan tradisi. LICAS News

Potret mozek Sri Paus Leo sedia untuk Basilika St Paulus di Luar Tembok

VATIKAN: Studio Mosaic Vatikan bagi Fabrik Sto Petrus telah menyiapkan medallion mozek yang didedikasikan kepada Sri Paus Leo XIV, demikian Akhbar Takhta Suci mengumumkan pada Januari 16.

Selaras dengan tradisi purba yang mengiringi pemilihan setiap Sri Paus, hanya lebih lapan bulan selepas pemilihan Sri Paus Leo XIV, studio telah menyelesaikan potret mozek yang ditujukan untuk Basilika Sto Paulus di Luar Tembok, atas permintaan Ketua Basilika, Kardinal James Michael Harvey.

Bulatan mozek, dengan diameter 137 sentimeter, telah dicipta menggunakan enamel kaca dan emas di studio *Fabric*



of Saint Peter. *Tesserae* (kepingan kaca atau jubin) dihasilkan menggunakan teknik mozek potong purba dan dipasang dengan *mastic* berasaskan minyak tradisional tradisi Vatikan.

Pelaksanaan kerja itu adalah berdasarkan lakaran persediaan yang dilukis oleh Master Rodolfo Papa—lukisan minyak di atas kanvas dengan dimensi yang sama seperti rondel mozek—yang direka khusus untuk diterjemahkan ke dalam mozek.

Karya seni itu dipasang di sebelah potret mendiang Sri Paus Francis, di lorong kanan Basilika, pada ketinggian kira-kira 13 meter. Media Vatikan



Gereja pertama Kuwait diangkat jadi basilika kecil

KOTA KUWAIT: Umat Katolik Kuwait menyaksikan detik bersejarah apabila Kardinal Pietro Parolin, Setiausaha Negara Vatikan, memimpin Misa di Gereja Bonda Maria dari Arab di Kuwait pada Januari 16, apabila Gereja itu dinaik taraf menjadi basilika kecil.

Kardinal Parolin berkata Gereja yang dibina di padang pasir itu menjadi peringatan bahawa "Bonda Maria sendiri pernah mendapat perlindungan di padang pasir yang sama."

Gelaran basilika kecil diberikan kepada Gereja yang mempunyai kepentingan liturgi atau pastoral yang istimewa dan menonjol kerana nilai sejarah, rohani dan seni-bina.

Dalam homilinya, yang disampaikan kepada umat Katolik tempatan, ahli politik, diplomat, dan wakil Syarikat Minyak Kuwait, Kardinal Parolin berkata peristiwa pengangkatan Gereja menjadi basilika minor sebagai "benar-benar bersejarah," bukan sahaja "bagi Gereja di Kuwait, tetapi juga bagi Gereja di seluruh Semenanjung Arab."

"Dibina di atas pasir gurun," kata kardinal itu, "basilika ini mengingatkan kita bahawa Perawan Maria sendiri pernah mencari perlindungan di tanah gurun yang sama, di mana dia menjaga, membesarkan, dan melindungi satu-satunya Pengantara antara Tuhan dan keluarga manusia, Yesus Kristus."

Pada tahun 1948, sekumpulan kecil umat Katolik — orang asing yang baru tiba di Kuwait untuk bekerja dalam industri minyak yang sedang berkembang — membuka sebuah kapel kecil di Al-Ahmadi, bandar kedua terbesar di negara itu.

Hanya beberapa tahun kemudian, kapel itu digantikan dengan sebuah Gereja dan dihiasi dengan gambar Santa Perawan Maria yang diberkati oleh Sri Paus sendiri.

Seiring dengan perkembangan industri minyak, dan semakin ramai pekerja asing yang mula tiba di Kuwait, gereja bernama Bonda Maria dari Arab — terus berkembang.

Gereja itu selesai dibina pada tahun 1957 "sebagai hadiah murah hati daripada penderma tempatan, yang keprihatinan dan sokongannya terhadap kompleks gereja berterusan sehingga hari ini," demikian laporan akhbar Vatikan, Januari 15.

Kardinal Parolin menyampaikan renungan bacaan Injil hari itu, dengan menekankan, "Kita tidak dapat menyambut Kanak-kanak Yesus ke rumah kita... kecuali kita mengenali identiti-Nya yang sebenar dan semua yang tersirat di dalamnya." Tegasnya, "Umat Katolik dipanggil untuk mengenali dan memberi kesaksian bahawa Yesus Kristus adalah Tuhan yang benar dan manusia yang benar."

Dalam siaran akhbar yang diter-

bitkan Vatikan pada Januari 15, Kuwait menegaskan kembali "prinsip-prinsip teguhnya tentang saling menghormati dan hidup berdampingan secara damai antar agama, yang merupakan nilai-nilai yang tertanam dalam cita-citanya sejak awal berdirinya."

Umat Kristian kini berjumlah kira-kira 20% daripada penduduk Kuwait, walaupun hampir kesemuanya adalah pekerja migran bukan warganegara Kuwait, termasuk juga ramai negara Teluk Parsi yang kaya dengan minyak lain, termasuk Bahrain, Emiriah Arab Bersatu, dan Qatar.

Kuwait dan Bahrain memiliki sejumlah kecil warga negara penganut Kristen, hampir semuanya keturunan imigran dari negar-negara Arab, seperti Lebanon dan Palestine, dengan populasi Kristen yang cukup besar.

Mengakhiri homilinya, Kardinal Parolin berdoa dengan perantaraan Santa Perawan Maria, "Bonda Maria dari Arab, Pelindung seluruh Semenanjung yang menyandang namanya."

"Kepada Bonda Maria, saya mempercayakan perlindungan Negara Kuwait, warganya, dan semua umat Kristen."

Semasa kunjungan setiausaha negara Vatikan itu pada Januari 14-16, beliau juga bertemu dengan Sheikh Ahmad Abdullah Al-Ahmad Al-Sabah, perdana menteri Kuwait.

Media Vatikan

Algeria, Angola, Mexico: Antara negara bakal dilawati Sri Paus Leo tahun 2026

ROMA: Beberapa pengumuman terbaharu telah diumumkan oleh para uskup di Angola, Algeria dan Sepanyol yang mengesahkan bahawa Sri Paus Leo XIV akan memulakan perjalanan ke negara itu pada tahun ini.

Takhta Suci biasanya mengumumkan perjalanan apostolik Sri Paus beberapa bulan sebelum dan belum mengeluarkan pengumuman rasmi mengenai destinasi perjalanan Bapa Suci untuk 2026.

Walau bagaimanapun, kenyataan para uskup mengesahkan kunjungan Sri Paus lebih-lebih lagi Sri Paus Leo semasa sidang akhbar di dalam penerbangan ke Roma menyatakan harapannya untuk ke Algeria.

"Saya berharap dapat pergi ke Algeria untuk melawat tempat-tempat Sto Augustine, sambil meneruskan dialog bagi membina jambatan

antara dunia Kristian dan dunia Islam.

Kardinal Jean-Paul Vesco dari Algeria memberitahu wartawan di luar dewan Paulus VI pada Januari 9, semasa konsistori luar biasa bahawa lawatan itu "berjalan lancar."

Meskipun Sri Paus tidak memberi tarikh Kardinal Vesco berkata Algeria di Afrika Utara berkemungkinan besar perjalanan itu berlaku pada awal tahun ini.

Pada Januari 13, Angola diumumkan sebagai destinasi lain yang ingin dilawati oleh Sri Paus Leo tahun ini.

Pada sidang akhbar di Luanda, Uskup Agung Poland, Krysipin Witold Dubiel, nuncio apostolik ke Angola, mengumumkan bahawa Bapa Suci Leo telah menerima jemputan daripada pegawai Gereja dan kerajaan untuk melawat Angola.

"Saya ingin memaklumkan ba-

hawa Bapa Suci Leo XIV, berhasrat untuk melawat benua Afrika, dan Angola juga termasuk dalam jadual perjalanan lawatan ini," kata Uskup Agung Dubiel.

"Saya berharap lawatan Bapa Suci akan menjadi peluang untuk menemui semula nilai-nilai yang telah membentuk rakyat Angola, dan nilai-nilai ini dapat dikongsi dengan pelbagai komuniti yang tinggal dan bekerja di seluruh dunia," katanya.

Pada Januari 14, sebuah keuskupan agung di Mexico mengeluarkan pernyataan pada Januari 14, selepas pertemuan antara Sri Paus dan Kardinal Carlos Aguiar Retes dari Mexico bahawa Sri Paus Leo berhasrat untuk mengunjungi Mexico menyerahkan kepausannya kepada Santa Perawan Maria Guadalupe di kota Mexico.

Media Katolik

Inkarnasi, kebangkitan Tuhan telah menyelamatkan kita

VATIKAN: "Dengan berkat Yesus, umat Kristian mengenal Tuhan dan mempercayakan diri mereka kepada-Nya dengan penuh keyakinan." Sri Paus Leo XIV mengungkapkan kata-kata tersebut pada Audiensi Umum hari Rabu, dengan meneruskan siri katekesis tentang Konsili Vatikan II (KV II).

Dalam audiensi kali ini Sri Paus menyambung fokus pada Konstitusi *Dogmatis Dei Verbum* tentang Wahyu Ilahi, yang pada minggu sebelumnya, Sri Paus Leo memetik kata-kata mendiang Sri Paus Fransiskus yang menyebut dokumen itu sebagai "salah satu dokumen Konsili yang paling indah dan penting".

Bapa Suci mengingatkan bahawa apa yang terjadi di dalam Yesus Kristus ialah kita telah melihat Tuhan menyatakan diri-Nya dalam dialog perjanjian, di mana Dia menyapa kita sebagai sahabat.

Oleh sebab itu, ini merupakan pengetahuan relasional, yang tidak hanya mengkomunikasikan idea-idea tetapi juga berbahagi sejarah dan menyerukan kesatuan.

Penggenapan wahyu ini, jelas Sri Paus, terjadi dalam perjumpaan bersejarah dan peribadi apabila Tuhan sendiri memberikan diri-Nya kepada kita, menghadirkan diri-Nya, dan kita menemukan bahawa kita dikenal dalam kebenaran terdalam kita.

"Itulah yang terjadi di dalam Yesus Kristus," kata Sri Paus Leo, seraya menjelaskan *Dei Verbum* mencatat bahawa, "Kebenaran terdalam tentang Tuhan dan keselamatan manusia bersinar demi kita di dalam Kristus, yang merupakan mediator dan kepenuhan semua wahyu."

Sri Paus Leo mengulangi ajaran Sri Paus Fransiskus yang menekankan bahawa Yesus mengungkapkan Bapa kepada kita



dengan melibatkan kita dalam hubungan-Nya sendiri dengan-Nya.

Dalam diri Putera yang diutus Bapa, "manusia di dalam Roh Kudus dapat memiliki akses kepada Bapa dan ikut mengambil bagian dalam kodrat ilahi."

"Oleh sebab itu, kita mencapai pengetahuan penuh tentang Tuhan dengan memasuki hubungan Putra dengan Bapa-Nya, berdasarkan tindakan Roh Kudus."

"Terima kasih kepada Yesus," kata Sri Paus Leo, "kita mengenal Tuhan sebagaimana Dia mengenal-Nya. Sesungguhnya, di dalam Kristus, Tuhan telah menyampaikan diri-Nya kepada kita, dan pada masa yang sama, Dia telah menyatakan kepada kita, identiti sebenar kita sebagai anak-anak kesayangan-Nya, bahawa kita telah dicipta berdasarkan imej-Nya."

Bapa Suci Leo menekankan bahawa Yesus Kristus menunjukkan atau memper-

lihatkan imej Bapa melalui kemanusiaan-Nya sendiri.

"Tepatnya kerana Dia adalah Firman yang berinkarnasi yang tinggal di antara manusia, Yesus mendedahkan Tuhan kepada kita dengan kemanusiaan-Nya yang sejati dan integral," katanya, menegaskan bahawa "untuk mengenali Tuhan dalam Kristus, kita mesti menyambut kemanusiaan-Nya yang integral."

"Kebenaran Tuhan tidak didedahkan sepenuhnya di mana ia mengambil sesuatu daripada manusia, sama seperti integriti kemanusiaan Yesus tidak mengurangkan kepenuhan anugerah ilahi. Ia adalah kemanusiaan integral Yesus yang memberitahu kita kebenaran Bapa," kata Sri Paus.

Bukan sahaja saluran penyampaian kebenaran intelek "Bukan hanya Kematian dan Kebangkitan Yesus yang menyelamatkan kita dan memanggil kita bersama-sama, tetapi pribadi-Nya sendiri: Tuhan yang menjadi inkarnasi, dilahirkan, menyembuhkan, mengajar, menderita, mati, bangkit kembali dan tinggal di antara kita."

"Jika Yesus mempunyai tubuh yang nyata, komunikasi kebenaran Tuhan direalisasikan dalam tubuh itu, dengan caranya sendiri untuk melihat dan merasakan realiti, dengan caranya sendiri untuk mendiami dan melalui dunia."

Dengan cara ini, "Yesus sendiri menjemput kita untuk berkongsi persepsi-Nya tentang realiti," kata Sri Paus Leo.

"Tidak ada yang dapat memisahkan kita dari kasih Tuhan," kata Bapa Suci pada akhir katekesisnya.

"Dengan mengikuti jalan Yesus hingga akhir, kita mencapai kepastian bahawa tiada apa yang dapat memisahkan kita daripada kasih Tuhan." **Media Vatikan**

PENULIS BERKICAU

Ketidakadilan

DUNIA kita penuh dengan ketidakadilan. Orang mungkin dilayan dengan tidak adil kerana keadaan kewangan, jantina, atau bangsa mereka. Selain itu, ramai orang menderita kerana ketamakan ahli niaga dan ahli politik. Sememangnya, ketidakadilan mempengaruhi kita semua secara langsung atau tidak langsung.

Ramai orang berasa tawar hati dan marah terhadap ketidakadilan. Semua orang ingin hidup di dunia yang adil dan selamat. Oleh itu, sesetengah orang terlibat dalam gerakan sosial; mereka menyertai protes dan menyokong pemimpin politik yang berjanji untuk melawan ketidakadilan.

Namun, sebagai orang Kristian, kita "bukan sebahagian daripada dunia" dan kita menantikan Kerajaan Tuhan untuk melenyapkan semua ketidakadilan. (Yoh. 17:16)

Mungkin satu perkara yang dapat membantu kita menentang ketidakadilan ialah dengan memilih dengan bijak maklumat yang kita baca, tonton, dan dengar. Sesetengah media sosial membesar-besarkan cerita orang yang dilayan dengan tidak adil dan menggalakkan gerakan sosial. Syarikat media dan organisasi lain pula mungkin melaporkan suatu berita dalam cara yang menyokong pendirian politik mereka atau kepentingan diri sendiri. Biarpun berita yang dilaporkan itu benar, jika kita terlalu bertumpu kepada maklumat sedemikian, hal itu hanya akan membuat kita lebih tawar hati dan marah. Lebih teruk lagi, kita mungkin lupa bahawa Kerajaan Tuhanlah yang akan menyelesaikan segala ketidakadilan di dunia ini.

Membaca Kitab Suci juga tindakan yang amat murni untuk kita mengenal keadilan. Kitab Suci mengingatkan kita bahawa tiada apa-apa yang tersembunyi daripada Tuhan. Hanya Tuhan yang mempunyai keadilan yang sempurna dan Dia dapat menegakkan keadilan dengan sepenuhnya.

Dalam ajaran Gereja Katolik, terdapat panduan etika moral yang dikembangkan sejak berabad-abad yang lalu.

Salah satu panduan tersebut adalah prinsip-prinsip moral yang berkaitan dengan keadilan. Keadilan merupakan nilai yang sangat ditekankan dalam ajaran Katolik, di mana setiap individu harus dihargai dan diperlakukan dengan adil, tanpa memandang perbezaan status sosial, bangsa atau agama.

Sesungguhnya, kita mungkin mudah melihat ketidakadilan yang dilakukan oleh orang lain atau pihak-pihak tertentu.

Namun, adakah diri kita sendiri dapat mengawal perbuatan sendiri? Bagaimana sikap kita terhadap para migran, pelarian, bekas banduan, orang miskin ... apakah kita memandang mereka seperti memandang wajah Kristus?

Kita meniru teladan Yesus dengan menunjukkan kasih. Kasih sedemikian akan menggerakkan kita untuk melayan semua orang dengan hormat, termasuk orang yang melayan kita dengan tidak adil.

Dengan demikian tiada lagi orang Yunani atau orang Yahudi, orang bersunat atau orang tidak bersunat, orang barbar, orang Skit, hamba atau merdeka. Kristus segala-galanya dan dalam segala-galanya (Kolose 3: 11).

Jus rohani untuk jiwa

Idea sederhana mengajak anak berdoa

Berdoa bersama dengan anak-anak kecil disamakan dengan aktiviti yang menyebabkan tekanan. Namun, semuanya boleh berjalan lancar jika anda menggunakan pendekatan yang betul terhadap mereka.

Berdoa bersama anak-anak memang tidak selalu mudah, terutamanya apabila anak-anak anda masih sangat muda. Agar kegiatan berdoa tidak menjadi sumber kejengkelan bagi seluruh keluarga, pertimbangkanlah untuk membina beberapa sikap berdoa yang sederhana:

Bersyukur

Berdoa boleh bermula dengan pujian. Ajak anak-anak mengingati perkara-perkara baik yang berlaku kepada mereka misalnya bersyukur kepada Tuhan kerana Tuhan telah melindungi kita sepanjang hari, bersyukur kerana dapat makan dan minum dengan baik hari ini, bersyukur kerana dapat belajar dengan baik dan sebagainya.

Meminta maaf

Beritahu anak-anak bahawa Tuhan sangat mudah untuk mengampuni. Terangkan kepada mereka bahawa kita boleh meminta pengampunan untuk sesuatu yang spesifik. Permintaan ini boleh dibuat dalam keheningan, dan biarlah anak-anak menyebut kesalahan mereka di dalam hati mereka.

Doa Permohonan

Jelaskan kepada anak-anak bahawa segala sesuatu yang kita miliki berasal daripada Tuhan. Doa permohonan boleh melibatkan apa sahaja: daripada yang paling duniawi hinggalah yang sangat rohani.

Yang penting bukanlah apa yang kita minta, tetapi bagaimana kita memohonnya iaitu percaya serta menaruh harapan bahawa Tuhan akan menolong kita.

Kita boleh mengakhiri permohonan doa kita dengan kata-kata berikut: "Namun bukan kehendak kami, tetapi kehendak-Mu yang berlaku" ...agar anak-anak mengerti, Tuhan pasti memenuhi doa-doa mereka tetapi dengan cara-Nya yang penuh misteri dan agung.



Aku mengasihi-Mu

Ajarlah anak-anak untuk berkata kepada Tuhan, "Aku menyayangi-Mu" agar anak-anak sentiasa mengingati, mereka memerlukan Tuhan setiap masa! Dan janganlah kita lupa, cara terbaik untuk mendekati anak-anak dalam berdoa adalah dengan menyanyikan pujian, doa permohonan mereka dan mendoakan orang lain.

Doa-doa devosi

Doa bersama anak boleh ditambah dengan doa devosi kepada para kudus. Doa melalui para kudus ini boleh menjadi peluang untuk memperkenalkan anak anda kepada para kudus, misalnya Bunda Maria dan santo-santa yang menjadi nama baptis mereka. **Aleteia**

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498

Perhimpunan para Klerus Keuskupan Agung Kuala Lumpur (CAPA), Januari 12-15, 2026

Kerana mengenal hati Tuhan, mereka akan tahu bagaimana menggembalakan umat

KUALA LUMPUR: Tahun ini, Perhimpunan Pastoral Tahunan Klerus (CAPA) Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah diadakan dari Januari 12 hingga 15, di Pusat Pastoral Keuskupan Agung.

Perhimpunan tahunan para paderi keuskupan agung ini telah berjalan tanpa gangguan, ia dimulakan semasa pentadbiran mendiang Tan Sri Dominic Vendargon. Semasa negara dilanda pandemik, ia tetap diteruskan secara maya.

Menurut salah seorang klerus, Msgr Daniel Lim, CAPA sebelum ini dikenali sebagai Mesyuarat Agung Tahunan Keuskupan Agung.

Perubahan nama itu dicetuskan oleh mendiang Fr Andre Volle MEP yang berpendapat nama sebelumnya lebih berbunyi korporat. Memandangkan kandungan perbincangan tertumpu kepada hal ehwal pastoral, maka ia diberi nama CAPA.

CAPA dimulakan dengan ucapan Uskup Agung Julian Leow yang memperkenalkan tema dan fokus CAPA tahun ini iaitu Gembala Mengikuti Hati-Nya: Dasar, Umat dan Masa Depan dengan Harapan berdasarkan Yeremia 3:15, "Aku akan mengangkat bagimu gembala-



gembala yang sesuai dengan hati-Ku mereka akan menggembala kamu dengan pengetahuan dan pengertian..."

Menurut Bapa Uskup Agung, tema itu ialah peringatan bahawa perhimpunan semasa tidak bertujuan untuk "merancang dan mengkaji semula program kita, tetapi untuk membenarkan diri kita sebagai paderi, dibentuk semula oleh Gembala Baik."

Prelatus itu kesal dan sedih bahawa dasar tanpa hati pastoral menjadi kaku, umat tanpa bimbingan menjadi berselerak, dan harapan tanpa pertimbangan menjadi sekadar sentimen.

Uskup Agung Julian menekankan bahawa Hati Kristuslah yang menyatukan ketiga-tiganya.

Seterusnya, Fr Simon Labrooy, moderator

utama memberikan pengenalan ringkas kepada topik-topik yang akan dibincangkan semasa CAPA iaitu Katekesis dan Misi Pengajaran para imam; isu-isu mengenai dasar berhubung dengan sempadan dan budaya pastoral; dan tinjauan terhadap situasi belia dalam Gereja tempatan dengan seruan untuk memperbaharui, menghidupkan dan meremajakan semula.

CAPA bincang belia dan situasi Gereja tempatan

KUALA LUMPUR: Salah satu sesi yang dibincangkan semasa Perhimpunan Tahunan para Klerus Keuskupan Agung Kuala Lumpur pada Januari 12-15 lalu ialah "Belia dan Gereja tempatan".

Pada waktu pagi, Fr Michel Dass menyampaikan seruan untuk "Memperbaharui, Menghidupkan Semula dan Meremajakan" pelayanan dan jangkauan Gereja kepada golongan muda.

Beliau berbicara tentang bagaimana golongan belia dilihat oleh orang ramai dalam cara tertentu, tetapi ini selalunya tidak sepadan dengan realiti apa yang mereka alami pada masa ini.

Beliau juga menyeru para paderi untuk memahami dan menemani (ASAYO KL Facebook) golongan muda dalam situasi dan pengalaman khusus mereka.

Fr Simon Lau, Pengarah Pejabat Dewasa Tunggal dan Belia Keuskupan Agung, memberikan gambaran keseluruhan proses yang membawa kepada Hari Belia Katolik Malaysia (MCYD) pada tahun 2025 dan bagaimana suara golongan muda dari sembilan keuskupan/ agung digemakan.

Dengan soalan, "Adakah Yesus Kristus masih relevan bagi kita hari ini?" muncullah pelbagai keinginan dan jawapan para belia.

Empat keinginan teras didengari: kerinduan dan dahaga untuk iringan yang tulen, keperluan untuk diterima sebelum berkhidmat, kepercayaan dan kehidupan.

Pada akhir MCYD, nampaknya terdapat keperluan untuk perubahan iaitu individu lebih penting daripada program, pertemuan lebih penting daripada acara dan mengembara bersama belia bukan sekadar melakukan pelayanan untuk mereka.

Perbualan dalam Roh, perbualan indah dari hati ke hati

KUALA LUMPUR: Seorang peserta kali pertama Perhimpunan Tahunan Pastoral para Klerus Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Diakon Philip Asirwalam berkongsi bahawa CAPA ialah perhimpunan yang bertujuan untuk menyatukan dan bekerja bergan-

ding bahu untuk kemajuan Gereja-gereja di Keuskupan Agung Kuala Lumpur dengan berdoa dan menilai."

Fr Surain Durairaj, yang merupakan ahli jawatankuasa dan pasukan sintesis, mengatakan, semasa CAPA tahun ini, para paderi



dan diakon yang hadir meluangkan masa melalui input dan perbualan dalam Roh untuk mencadangkan beberapa hala tuju penting yang boleh dikenal pasti dan dilaksanakan.

Terdapat harapan besar dan kesedaran bahawa kita, sebagai paderi, boleh menjadi gembala yang baik dalam pelayanan dan jangkauan kita kepada umat.

Paderi paroki Katedral St John, Fr Gerard Theraviam berkongsi bahawa beliau menyenangi perbualan dalam semangat persaudaraan, yang hangat dalam Roh serta pendengaran yang penuh perhatian."

Fr Gerard juga memuji bahawa CAPA turut memberi masa mencukupi untuk para paderi berehat dan program yang lebih santai, membolehkan perkongsian dan perbualan tentang kehidupan dan pelayanan."

Paderi: penyalur berkat kepada umat Katolik, bukan Katolik

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Tahunan para Klerus Keuskupan Agung Kuala Lumpur (CAPA) berakhir pada Januari 15 lalu.

Misa penutup dipimpin oleh Uskup Agung Julian yang menyeru kepada para klerus untuk mengingati cinta pertama mereka, iaitu sebab mengapa mereka memilih untuk menjadi paderi, dan bertanya kepada mereka jika mereka telah kehilangan semangat itu setelah bertahun-tahun melayani.

Uskup Agung Julian menekankan bahawa para klerus harus mencontohi hati Yesus dengan menjaga jiwa umat beriman dan berusaha untuk keselamatan mereka.

Selain itu, pelayanan para klerus bukan setakat dalam kalangan Katolik tetapi juga penganut bukan Katolik.

Prelatus itu juga mengingatkan golongan klerus untuk mengimbangi keadilan dengan belas kasihan, bekerjasama dengan orang lain, dan mencari masa untuk berehat serta bergaul dengan paderi lain.

Ketua Keuskupan Agung Kuala Lumpur itu mengakhiri homilinya dengan memberi jaminan kepada para paderi bahawa dia sentiasa terbuka untuk mendengar mereka, dan beliau berharap dapat mendengar kebimbangan, kegembiraan dan kesedihan mereka.

